

Uchapan Y.B.M

Uchapan: ADHO
511
130/80

1/3/72.

①

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn di-upachara merasmikan pembukaan Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Puteh, Masai, Johor Bahru pada lhb. Mach, 1972, jam 2.45 petang

1. Saya sungguh ^{sukachita} gembira kerana berpeluang hadir dan berchakap kepada murid2, guru2 dan ibu2 bapa pada petang ini, di-majlis pembukaan resmi Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Puteh ini. Saya di-fahamkan bahawa, sekolah ini mempunyai sejarah yang agak lama juga, yang bermula pada tahun 1937 dengan beberapa orang raayat yang chintakan pelajaran anak2 mereka, telah bersusah payah membena sebuah sekolah di-sini.

2. Saperti bangunan2 lain, maka sekolah ini pun turut uzor dan usang, dan pada tahun 1954, Kerajaan telah membena sa-buah sekolah baru untok menggantikan sekolah lama itu. Ini pun telah usang, dan pada hari ini kita dapat sa-buah bangunan baru yang telah di-bena oleh Kerajaan dengan belanja lebeh kurang \$50,000.00. Saya perchaya buat masa ini, ada-lah memadai, tetapi besar

kemungkinan-nya sekolah ini akan menampung ramai lagi murid2, dan apabila tiba masa-nya nanti, langkah2 yang sesuai akan di-ambil untok memberi segala kemudahan pelajaran kepada anak2 kita di-sekitar Kampong Pasir Puteh ini.

3. Kechichiran murid2 saperti yang telah saya katakan beberapa kali, ia-lah tanggung-jawab kita semua dan bukan Kerajaan semata2. Pada hari ini, saya mengambil peluang menguchapkan terima kaseh kepada semua pihak — — — sama ada orang persaorangan mahu pun persatuan2 ibu bapa dan guru2, dan juga parti2 politik, yang telah mula mengiasat dan mengambil berat tentang perkara ini. Ini menunjukkan bahawa raayat negeri ini tahu nilai pelajaran oleh kerana tanpa pelajaran, masa depan negara kita nanti tidak-lah bagitu maamor dan maju.

4. Pada petang ini saya ingin menyentoh tentang rancangan Kementerian Pelajaran untok meninggikan taraf pelajaran di-negara ini. Pada fikiran saya, masalah

memperbaiki taraf pelajaran harus-lah di-tinjau dari segala segi, ia-itu dari segi murid2, bidang pelajaran sekolah (curriculum), guru2 dan penyertaan masharakat dalam hal persekolahan.

5. Saya ingin memperkatakan soal guru di-sini, ia-itu Ranchangan Latehan Guru sebelum berkhidmat pada ketika ini, sedang di-semak semula dengan tujuan agar guru2 kita dapat memberi perkhidmatan yang lebeh baik kapada negara. Kementerian Pelajaran, semenjak awal penggal pertama persekolahan tahun 1972, telah pun memberi latehan 2 tahun kapada guru2 baru seramai 1,846 orang, ia-itu seramai 930 orang di-lateh untok sekolah2 rendah, sementara, baki-nya 916 orang untok sekolah2 menengah. Angka yang menjalani latehan pada tahun ini, berlebehan dari tahun lalu di-mana kita telah mengambil seramai 1,500 orang sahaja. Dengan ada-nya penambahan ini, kita berharap kekurangan guru dapat di-atasi.

6. Selain dari itu, tuan2 dan puan2 sakalian, Kementerian Pelajaran, khas-nya Bahagian Latehan Guru, pada tahun 1972 ini, akan mengadakan 43 kursus dalam perkhidmatan. Kapada guru2 sakalian, saya menyeru mereka agar mengambil daya utama masing2 untok melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan demi memajukan jenerasi muda negara ini. Selain daripada itu, suka saya memperkatakan di-sini mengikut perangkaan pada tahun 1970, lebeh kurang 4,000 orang guru telah di-beri latehan, dan angka ini telah bertambah tiga kali ganda pada tahun 1971, di-mana kita dapat mengadakan kursus-dalam perkhidmatan untok lebeh kurang 12,000 orang guru. Pada tahun ini, saya jangka angka tersebut akan bertambah lagi. Jadi jelas-lah pada kita semua bahawa, Kerajaan ada-lah mengambil berat tentang masaelah pelajaran anak2 kita.


7. Oleh kerana kita hendak memberi peluang lebeh ramai lagi guru2 turut serta dalam kursus2 perkhidmatan (in-service courses), maka kursus2 yang akan di-jalankan nanti tidak-lah semua-nya di-adakan di-Maktab2 Perguruan,

malahan akan di-atorkan juga di-peringkat negeri. Ini pada fikiran saya akan dapat mengurangkan perjalanan guru2 ka-maktab2 yang agak jauh dari tempat mereka, dan di-samping itu, kita dapat mengatorkan lebeh banyak kursus yang akan di-sertai oleh lebeh ramai lagi guru2.

* 8. Saya telah berchakap dengan panjang lebar mengenai latehan guru, dan buat mengakhiri uchapan saya ini, saya mengambil peluang menguchapkan terima kaseh kapada semua pehak yang berkenaan menjayakan upachara pembukaan resmi sekolah ini. Kapada mereka yang telah mengorbankan masa dan tenaga, *berbanyak terima kasih* saya uchapkan ~~shabash~~ dan usaha yang tuan2 dan puan2 berikan itu, akan menjadi kenangan kapada mereka yang mendapat faedah dari pelajaran pada hari ini.

9. Dengan itu saya dengan segala sukachita-nya meresmikan pembukaan Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Puteh ini.

* *Paham Buku Antarabangsa.*



malahan akan di-storokan juga di-peringkat negeri. Ini pada pikiran saya akan dapat menguruskan perjalanannya guru ka-mektabs yang agak jauh dari tempat mereka dan di-samping itu, kita dapat mengstorokan lebih banyak kurus yang akan di-seriai oleh lebih ramai lagi guru.

8. Saya telah berchakap dengan panjang lebar mengenai latihan guru, dan buat mengakhiri ucapan saya ini, saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan menjayakan upacara pembukaan rasmi sekolah ini. Kepada mereka yang telah mengorbankan masa dan tenaga, saya ucapkan ~~alhamdulillah~~ dan terima kasih yang tulus dan puans betikun itu akan menjadi kenangan kepada mereka yang mendapat faedah dari pelajaran pada hari ini.

9. Dengan itu saya dengan segala sukanya meremikan pembukaan Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Putih ini.



① Puan Gading & Karaman Berkeputusan akan di-adakan bersempitan
 - Tanah yang
 ② Perbelanjaan di-adakan di tempat lain
 berhubung dgn kurangnya

No Siri 19
 No. Penerimaan 08/19